	TP6	Menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi sebagai amalan penggunaan air secara bijaksana	63		
Tahap Penguasaan Bab 12 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					


13 SISA DOMESTIK	TP1	Menyatakan jenis dan contoh sisa domestik di Malaysia	65, 66		
	TP2	Menjelaskan jenis dan contoh sisa domestik, serta kesan pembuangannya di Malaysia	65, 66		
	TP3	Menerangkan jenis, contoh sisa domestik dan kesan pembuangannya berserta contoh	65, 67		
	TP4	Menerangkan jenis sisa domestik, kesan pembuangannya berserta contoh dan menghuraikan langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik secara berkesan	67, 68		
	TP5	Menerangkan jenis sisa domestik, kesan pembuangan dan langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik secara bijaksana di kawasan setempat	68		
	TP6	Menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi sebagai amalan pengurusan sisa domestik secara bijaksana	68		
Tahap Penguasaan Bab 13 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					

BAB 1 Arah

1.1 Arah Mata Angin


- Arah** merujuk kepada **hala tuju** sesuatu tempat dari sesuatu tempat yang lain.
- Arah** mata angin dapat dibahagikan kepada:

Arah mata angin utama	Arah mata angin perantaraan
- Utara (U) - Selatan (S) - Timur (T) - Barat (B)	- Timur Laut (TL) - Tenggara (Tg) - Barat daya (BD) - Barat Laut (BL)



1.2 Cara Menentukan Arah Mata Angin Menggunakan Matahari

- Matahari dapat digunakan sebagai panduan untuk menentukan arah mata angin.
- Langkah-langkah untuk menentukan arah mata angin berpandukan matahari:
 - Berdiri menghadap ke arah matahari terbit.
 - Pastikan arah di hadapan anda ialah timur dan arah di belakang ialah barat.
 - Depakan kedua-dua belah tangan anda. Tangan kiri anda menunjukkan arah utara dan tangan kanan menunjukkan arah selatan.



1.3 Cara Menentukan Arah Mata Angin Menggunakan Kompas

- Kompas** digunakan untuk menentukan arah sesuatu tempat dengan mudah dan tepat.
- Kompas terdiri daripada **perumah**, **pemuka** dan **jarum kompas**.



- Langkah-langkah menentukan arah menggunakan kompas magnetik:

Berdiri menghadap objek yang hendak ditentukan arahnya.

Letakkan kompas pada permukaan yang rata dan jauh daripada objek besi.


Orientasikan kompas secara perlahan-lahan hingga jarumnya menunjukkan ke arah utara.

Halakan pandangan mata ke arah objek tersebut.

Tentukan arah objek tersebut berpandukan kompas magnetik.

1.4 Bearing Sudutan

- Bearing** ialah arah sesuatu tempat dari suatu **titik rujukan**.
- Bearing dinyatakan dalam nilai **darjah** (°).
- Bearing sudutan sesuatu tempat diukur menggunakan **jangka sudut** dari arah utara, iaitu dari 0° mengikut pusingan jam.




Nilai sudut bearing sudutan ialah antara 0° hingga 360°

- Langkah-langkah mengukur bearing sudutan:
 - Tentukan dua titik, contohnya titik **P** dan titik **Q**. Lukis garisan lurus bagi menyambungkan kedua-dua titik tersebut (garisan **PQ**).
 - Tentukan titik rujukan, contohnya titik **Q**. Lukiskan arah mata angin pada titik **Q**.
 - Letakkan jangka sudut pada titik **Q**. Ukur bearing sudutan dari utara (0°) ke garisan **PQ**.

BAB 2 Kedudukan

2.1 Kedudukan Relatif

1. **Kedudukan** merujuk kepada tempat letaknya sesuatu objek dalam sesuatu kawasan.
2. **Kedudukan relatif** ialah kedudukan sesuatu tempat yang ditentukan dengan merujuk kepada **titik rujukan**.




Kedudukan relatif murid dalam kelas

Jika Cindy dijadikan titik rujukan:

- Farina duduk di hadapan Cindy.
- Lisa duduk di belakang Cindy.
- Lang duduk di sebelah kiri Cindy.
- Flora duduk di sebelah kanan Cindy.

Cara Menentukan Kedudukan Relatif di Lapangan




Kedudukan relatif beberapa ciri di sekitar masjid

2.2 Latitud dan Longitud

Latitud

1. **Latitud** ialah garisan yang dilukis secara **melintang** dari barat ke timur pada glob atau peta atlas.
2. Terdapat lima garisan latitud utama.




Latitud utama

3. Setiap **latitud** diberi nilai 0° hingga 90°U dan 0° hingga 90°S yang diukur dari pusat bumi.
4. Garisan **Khatulistiwa** (0°) merupakan latitud terpanjang yang membahagikan bumi kepada hemisfera utara dan hemisfera selatan.

Longitud

1. **Longitud** ialah garisan yang dilukis secara **menegak** dari Kutub Utara ke Kutub Selatan pada glob atau peta atlas.
2. **Garisan Meridian Pangkal** (GMP) merupakan longitud utama yang dilukis melalui bandar Greenwich di London dan diberi nilai 0°.
3. Longitud 180°T dan 180°B adalah bertindih dan merupakan garisan yang sama serta dikenali sebagai **Garisan Tarikh Antarabangsa (GTA)**.
4. GTA memisahkan tarikh dan waktu di bumi.





Longitud utama

Cara Menentukan Kedudukan Berdasarkan Latitud dan Longitud

1. Kedudukan sesuatu tempat dapat ditentukan berdasarkan persilangan antara latitud dengan longitud.
2. Apabila menyatakan kedudukan, nilai longitud disebut terlebih dahulu dan diikuti dengan nilai latitud.

Contoh


Nyatakan kedudukan titik X.



BAB 3 Peta Lakar

3.1 Ciri-ciri Peta Lakar

1. Peta lakar ialah gambaran permukaan bumi yang dilukis dari pandangan atas.
2. Peta lakar menggambarkan ciri-ciri pandang darat fizikal dan ciri-ciri pandang darat budaya yang dilukis menggunakan simbol atau singkatan perkataan.
3. Ciri-ciri peta lakar:



3.2 Simbol-simbol dalam Peta Lakar


Simbol kawasan	Simbol titik	Simbol garisan	Singkatan perkataan
Rumput	Kuil	Pantai	Sek. Sekolah
Paya bakau	Tanda tinggi	Sungai	Ldg. Ladang
Kontur	Masjid	Jalan raya	Pt. Parit
Getah	Tanda aras	Benteng	R.R. Rumah rehat

3.3 Pandang Darat Fizikal dan Pandang Darat Budaya

1. Pandang darat fizikal merupakan ciri-ciri **semula jadi** seperti bentuk muka bumi, saliran dan tumbuh-tumbuhan semula jadi.
2. Pandang darat budaya merupakan ciri-ciri **buatan manusia** seperti petempatan, pengangkutan dan kegiatan ekonomi.

Pandang darat fizikal			Pandang darat budaya		
hutan	rumput	paya bakau	padi	getah	kelapa
sungai	tasik	nipah	masjid	jambatan	jalan raya
gunung	kontur	Tg. tanjung	petempatan	Sek. sekolah	P.P. pejabat pos


3.4 Langkah-langkah Melukis Peta Lakar



BAB 4 Lakaran Peta Malaysia

4.1 Kedudukan Negeri-negeri di Malaysia


1. Malaysia terletak di rantau **Asia Tenggara**.
2. Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan tiga wilayah persekutuan.
3. Laut China Selatan memisahkan **Semenanjung Malaysia** dari **Pulau Borneo** (Sabah dan Sarawak).
4. Semenanjung Malaysia bersempadan dengan Singapura di selatan dan Thailand di utara.
5. Sabah dan Sarawak bersempadan dengan Brunei Darussalam dan Kalimantan (Indonesia).
6. **Selat Terbau** memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Singapura manakala **Selat Melaka** memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Pulau Sumatera di Indonesia.
7. **Sarawak** merupakan negeri yang terbesar manakala **Perlis** merupakan negeri yang terkecil di Malaysia.
8. **Pahang** merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia.



Kedudukan negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia

4.2 Kedudukan Ibu Negeri, Ibu Negara dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Malaysia

1. Semua negeri di Malaysia mempunyai ibu negeri masing-masing.
2. Ibu negeri berfungsi sebagai pusat pentadbiran bagi sesebuah negeri.
3. Ibu negara Malaysia ialah **Kuala Lumpur**.
4. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah dipindahkan dari Kuala Lumpur ke **Putrajaya** pada tahun 2001.



Kedudukan ibu negeri, ibu negara dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Malaysia


Arah

1.1 Arah Mata Angin

Buku Teks ms. 2

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan **lapan** arah mata angin.

SP
1.1.1



TP 1

TUTORIAL



Arah Mata Angin


NOTA
P+
POWERPOINT

2. Lengkapkan rajah di bawah dengan arah mata angin utama dan arah mata angin perantaraan.

SP
1.1.1

Arah mata angin

i-Think Peta Pokok




1.2 Cara Menentukan Arah Mata Angin Menggunakan Matahari

Buku Teks ms. 3

3. Lengkapkan rajah di bawah dengan langkah-langkah menentukan arah mata angin berpandukan matahari.

SP
1.1.2


i-Think Peta Alir TP 2



4. Berdasarkan rajah di bawah, nyatakan arah mata angin tempat-tempat yang berikut jika Naufal berdiri menghadap ke arah matahari terbit.

SP
1.1.2

TP 3




Tempat	Arah	Tempat	Arah
(a) Pejabat pos	Barat daya	(e) Masjid	Timur laut
(b) Hotel	Barat	(f) Kilang	Timur
(c) Balai polis	Barat laut	(g) Stesen minyak	Tenggara
(d) Sekolah	Utara	(h) Pasar raya	Selatan

1.3 Cara Menentukan Arah Mata Angin Menggunakan Kompas

5. Lengkapkan rajah di bawah dengan langkah-langkah mengorientasi kompas untuk menentukan arah.

SP
1.1.3

i-Think Peta Alir TP 3



6. Berdasarkan kompas yang telah diorientasikan pada rajah di bawah, tentukan arah tempat-tempat yang berikut.


SP
1.1.3

TP 4

VIDEO



Cara Membuat Kompas Poket



Tempat	Arah	Tempat	Arah
(a) Bengkel kereta	Timur	(e) Stesen minyak	Utara
(b) Sekolah	Barat	(f) Bank	Barat daya
(c) Hotel	Timur laut	(g) Balai polis	Barat laut
(d) Pangsapuri	Selatan	(h) Pejabat pos	Tenggara

1.4 Bearing Sudutan

Buku Teks ms. 6 – 8

7. Ukur bearing sudutan bagi titik-titik yang berikut dengan menggunakan jangka sudut.

TP 4

SP
1.1.4


(a)	(b)	(c)
Bearing sudutan A: 50°	Bearing sudutan B: 115°	Bearing sudutan C: 170°
(d)	(e)	(f)
Bearing sudutan D: 195°	Bearing sudutan E: 260°	Bearing sudutan F: 345°

8. Tentukan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut.

TP 4

SP
1.1.4

KBAT
Mengaplikasi



CETUS IDEA



- Bearing sudutan rumah Manoharan dari rumah Baidura ialah **290°**.
- Bearing sudutan rumah Chong Wei dari rumah Daniel ialah **205°**.
- Bearing sudutan rumah Farren dari rumah Chong Wei ialah **65°**.
- Bearing sudutan rumah Amirul dari rumah Manoharan ialah **155°**.
- Bearing sudutan rumah Baidura dari rumah Farren ialah **282°**.

9. Berdasarkan peta di bawah, nyatakan arah mata angin dan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut.

SP
1.1.3
1.1.4

KBAT
Mengaplikasi

TP 5



Tempat	Arah	Bearing sudutan
(a) Rumah Asmadi dari rumah Rozalina	Barat daya	230°
(b) Hotel Lee dari Tasik Emas	Timur laut	53°
(c) Restoran dari sekolah	Tenggara	170°
(d) Bukit Jarum dari masjid	Barat laut	286°
(e) Pasar raya dari Hotel Lee	Barat daya	231°



AKTIVITI PAK-21

► Kerja Lapangan

Tajuk: Menentukan arah dan mengukur bearing sudutan di kawasan sekolah dari titik rujukan

TP 6

Langkah-langkah:

1. Tentukan titik rujukan yang sesuai untuk dijadikan stesen anda.
2. Tentukan tempat-tempat di kawasan sekolah yang hendak ditentukan arah dan bearing sudutannya.
3. Gunakan kompas magnetik untuk menentukan arah. Pastikan tidak ada sebarang objek besi atau magnet lain yang berhampiran dengan kompas.
4. Gunakan jangka sudut untuk mengukur bearing sudutan.
5. Kemudian, catatkan maklumat di dalam jadual seperti di bawah.

Contoh jadual:

Dewan dijadikan titik rujukan

Tempat	Arah dari titik rujukan	Bearing sudutan
(a) Makmal sains dari dewan		
(b) Kantin dari dewan		
(c) Bilik guru dari dewan		
(d) Padang dari dewan		
(e) Surau dari dewan		

KBAT EKSTRA





1. Lengkapkan ayat di bawah tentang arah mata angin.

- (a) Arah ialah hala tuju sesuatu tempat dari suatu tempat yang lain.
- (b) Empat arah mata angin utama ialah Utara, Selatan, Timur, Barat.
- (c) Empat arah mata angin perantaraan ialah Timur Laut, Tenggara, Barat Daya dan Barat Laut.

2. Susun ikut urutan langkah-langkah untuk menentukan arah mata angin berpandukan matahari. Tandakan 1, 2, 3 dan 4 pada petak yang disediakan.

- (a) Depakan kedua-dua belah tangan.
- (b) Berdiri menghadap ke arah matahari terbit.
- (c) Tangan kanan menunjukkan arah selatan, tangan kiri menunjukkan arah utara.
- (d) Arah di hadapan ialah timur, arah di belakang ialah barat.

3

1

4

2

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

- (a) Kompas digunakan untuk menentukan arah dengan tepat.
- (b) Jarum kompas sentiasa menunjuk ke arah utara.
- (c) Kompas terdiri daripada jarum kompas, perumah dan pemuka.
- (d) Untuk mendapatkan bacaan yang tepat, kompas perlu diletakkan pada permukaan yang rata.
- (e) Semasa mengorientasikan kompas, pastikan anda menjauhi objek besi.


4. Gariskan jawapan yang betul.

- (a) Bearing ialah arah sesuatu tempat dari satu (titik rujukan , utara).
- (b) Bearing sudutan diukur dari arah utara mengikut (arah , lawan) pusingan jam.
- (c) Bearing sudutan dinyatakan dalam nilai (darjah , peratus).
- (d) Bearing sudutan diberi nilai 0° hingga (90° , 360°).
- (e) Bearing sudutan diukur dengan menggunakan (jangka sudut , jangka lukis).

5. Nyatakan bearing sudutan mengikut arah mata angin utama.

- (a) Timur 90° (c) Barat 270°
- (b) Selatan 180° (d) Utara $360^\circ / 0^\circ$

6. Berdasarkan rajah di bawah, nyatakan bacaan bearing sudutan.



- (a) Bearing sudutan bagi titik **P** ialah 55° .
- (b) Bearing sudutan bagi titik **Q** ialah 115° .
- (c) Bearing sudutan bagi titik **R** ialah 150° .

KUIZ
GAMIFIKASI



Bab 1

Bumi

5.1 Sistem Fizikal Bumi

Buku Teks ms. 44 – 45

1. Berdasarkan foto yang diberi, nyatakan sistem fizikal bumi.

TP 1

TP 2

SP
2.1.1



(a) Litosfera



(b) Hidrosfera



(c) Atmosfera



(d) Biosfera

TUTORIAL



Lapisan
Atmosfera

2. Berdasarkan pernyataan yang diberi, tuliskan sistem fizikal bumi yang **betul**.

TP 2

SP
2.1.1

- Semua bahagian air yang wujud di bumi.
- Lapisan udara yang menyelubungi bumi.
- Kawasan yang didiami oleh semua benda hidup.
- Lapisan yang mengandungi pelbagai jenis batuan dan mineral.
- Lapisan luar bumi yang merangkumi kerak bumi dan lapisan atas mantel.
- Lapisan ini mengandungi pelbagai jenis gas, debu, habuk, asap serta wap air.

Hidrosfera

Atmosfera

Biosfera

Litosfera

Litosfera


Atmosfera

5.2 Struktur Bumi

3. Namakan lapisan struktur bumi yang ditandakan pada rajah di bawah.

SP
2.1.2

TP 1



CETUS IDEA



4. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

SP
2.1.2

TP 2

- (a) Bumi terdiri daripada tiga lapisan, iaitu kerak bumi, mantel dan teras bumi.
- (b) Kerak bumi merupakan lapisan yang paling keras dan pejal.
- (c) Kerak bumi terdiri daripada dua lapisan, iaitu sial dan sima.
- (d) Mantel merangkumi dua pertiga jisim bumi.
- (e) Mantel bersifat pepejal tetapi lapisan luarnya bersifat separa cecair.
- (f) Teras bumi merupakan lapisan yang paling dalam.
- (g) Teras bumi terbahagi kepada teras luar teras luar dan teras dalam.
- (h) Teras bumi mengalami tekanan yang kuat dan suhu yang sangat tinggi.



AKTIVITI PAK-21

Jalan Galeri



Tajuk: Model lapisan struktur bumi

TP 6

Langkah-langkah:


1. Bahagikan kelas kepada empat hingga lima orang dalam satu kumpulan.
2. Secara berkumpulan, bina model lapisan struktur bumi menggunakan bahan yang sesuai. Contohnya, tanah liat, plastisin, kertas dan kadbod.
3. Labelkan setiap lapisan struktur bumi.
4. Model yang telah siap diletakkan di hujung meja kumpulan masing-masing untuk dilihat oleh kumpulan lain.
5. Murid dari kumpulan lain akan memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan lain pada *sticky notes* dan menampalnya pada hasil kerja tersebut.

5.3 Benua, Lautan, Laut Utama dan Selat

5. Namakan benua, lautan, laut dan selat yang ditandakan pada peta dunia di bawah.

TP 3

SP
2.1.3



DUNIA

Benua		Lautan	
B1	Benua Amerika Utara	L1	Lautan Pasifik
B2	Benua Amerika Selatan	L2	Lautan Atlantik
B3	Benua Eropah	L3	Lautan Hindi
B4	Benua Afrika	L4	Lautan Artik
B5	Benua Asia	L5	Lautan Selatan
B6	Benua Australia	Laut utama	
B7	Benua Antartika	M1	Laut China Selatan
Selat		M2	Laut Sulu
S1	Selat Tebrau	M3	Laut Sulawesi
S2	Selat Melaka		

INFO






Benua dan Lautan

5.4 Kesan Pergerakan Kerak Bumi

6. Lengkapkan ayat di bawah tentang kesan pergerakan kerak bumi.

TP 4

SP
2.1.4

Kesan pergerakan kerak bumi	Penerangan
(a) Gunung lipat 	- Pergerakan dan <u>pertembungan</u> plat bumi berlaku apabila terdapatnya daya <u>mampatan</u> pada kerak bumi. - Kerak bumi termampat akibat <u>tolakan</u> dan himpitan dua plat dari arah <u>bertentangan</u>, seterusnya membentuk banjaran <u>gunung lipat</u>.
(b) Gunung bongkah 	- Pengaruh daya <u>tegangan</u> atau mampatan menyebabkan proses <u>gelinciran</u> berlaku di sempadan plat bumi di daratan atau di lautan menyebabkan pembentukan <u>gunung bongkah</u>. - Plat bumi yang terjunam ke bawah akan membentuk <u>lurah gelinciran</u>.
(c) Gunung berapi 	- Gunung berapi terbentuk apabila berlakunya pertembungan dua plat yang mewujudkan <u>zon benam</u>. Plat yang terjunam ke bawah akan bertemu dengan lapisan <u>mantel</u> serta membentuk magma dan <u>lava</u>. - Plat yang terangkat akibat pertembungan akan membentuk <u>gunung</u> dan <u>rekahan</u>. - Cecair <u>magma</u> akan keluar memenuhi rekahan pada <u>plat bumi</u> seterusnya membentuk gunung berapi.
(d) Gempa bumi 	- Pertembungan dan <u>himpitan</u> antara plat akan menyebabkan wujudnya <u>daya tekanan</u>. - Proses tersebut akan menghasilkan <u>gegaran</u> di kawasan <u>sempadan</u> plat. - Kejadian gempa bumi di dasar laut berpotensi mengakibatkan <u>tsunami</u>.

VIDEO



Plat Tektonik
Arus Perolakan

7. Secara berpasangan, bincangkan kesan pergerakan kerak bumi berdasarkan petikan di bawah.

SP
2.1.4
KBAT
Menganalisis

TP 5



Ranau, Sabah dilanda gempa bumi 6.0 Richter

Jun 5, 2015 @ 7:58am

KOTA KINABALU: Satu gempa bumi dengan kekuatan 6.0 pada skala Richter berpusat di 6.1 utara, 116.6 timur, kira-kira 16 kilometer di barat daya Ranau berlaku jam 7.15 pagi tadi.

Gempa yang dikesan di kedalaman 54 kilometer di bawah tanah itu dirasai di sekitar Ranau, Tambunan, kawasan pedalaman dan pantai barat termasuk Tuaran, Kota Kinabalu, Beaufort dan Kota Belud.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tussin, berkata gegaran dirasai di seluruh kawasan pantai barat, utara dan pedalaman Sabah selain turut dirasai di Sandakan.

Ranau dikenal pasti paling teruk terjejas dengan beberapa bangunan dikatakan mengalami kerosakan berikutan kedudukannya paling hampir dengan pusat gempa.

(Sumber: www.bharian.com.my/berita/nasional)

- (a) Pada pandangan anda, apakah kesan kejadian gempa bumi tersebut terhadap penduduk dan alam sekitar di kawasan Ranau, Sabah?

Bangunan runtuh atau retak / Mengorbankan nyawa

Jalan raya dan tanah merekah

Banyak batu-batu dan bongkah jatuh di Gunung Kinabalu

- (b) Adakah kejadian gempa bumi di Ranau, Sabah boleh berulang? Berikan alasan anda.

Ya, boleh berulang kerana rekod gempa bumi berskala sederhana dengan magnitud 5.1 pernah direkodkan pada 1991. Rekod lama mengenai kejadian gempa bumi turut menunjukkan gegaran memang sering berlaku di daerah itu.

VIDEO



Tsunami

CETUS IDEA



KBAT EKSTRA



- (c) Cadangkan langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan kesan kejadian gempa bumi.

Memasang lebih banyak Stesen Seismik bagi mengesan lebih terperinci gegaran akibat gempa bumi


Mengadakan sistem amaran awal sebagai persediaan berdepan tragedi sekali gus mengelakkan kehilangan nyawa dan harta benda



1. Lengkapkan rajah di bawah dengan komponen yang membentuk bumi.



2. Padankan lapisan struktur bumi dengan pernyataan yang **betul**.



3. Tandakan (✓) pada jawapan yang **betul**.

- (a) Benua yang terbesar di dunia.

Benua Amerika Utara

☐

Benua Asia

☒

- (b) Benua yang paling mendatar di dunia.

Benua Australia

☒

Benua Eropah

☐

- (c) Lautan terbesar di dunia.

Lautan Pasifik

☒

Lautan Hindi

☐

- (d) Lautan yang mengelilingi benua Antartika.

Lautan Selatan

☒

Lautan Atlantik

☐

- (e) Selat terpanjang di dunia.

Selat Tebrau

☐

Selat Melaka

☒

- (f) Laut yang terletak di bahagian barat daya Filipina.

Laut China Selatan

☐

Laut Sulu

☒

4. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

(a) Permukaan bumi terdiri daripada lapisan kerak bumi yang dikenali sebagai plat.

(b) Plat terbahagi kepada plat daratan dan plat lautan.

(c) Pergerakan kerak bumi melibatkan proses pertembungan dan pencapahan.

(d) Proses pencapahan menyebabkan berlakunya perubahan kedudukan benua.

(e) Proses pertembungan menyebabkan pembentukan gunung lipat.

(f) Gunung bongkah terbentuk akibat proses gelinciran.

(g) Kejadian gempa bumi di dasar laut boleh mengakibatkan tsunami.

(h) Gunung berapi terbentuk apabila berlakunya pertembungan dua plat yang mewujudkan zon benam.

KUIZ
GAMIFIKASI



Bab 5

MODUL UASA

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1

Bab 1 – Bab 2

72 – 75

UJIAN 2

Bab 3 – Bab 4

76 – 80

UJIAN 3

Bab 5 – Bab 7

80 – 87

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

Bab 1 – Bab 7

88 – 96

UJIAN 4

Bab 8 – Bab 9

97 – 103

UJIAN 5

Bab 10 – Bab 11

104 – 109

UJIAN 6

Bab 12 – Bab 13

110 – 114

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

Bab 1 – Bab 13


115 – 122

Latihan
ke arah
kecemerlangan



BAHAGIAN B

Soalan 1 berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

1. (a) Namakan arah mata angin yang berikut.

BAB 1
Buku Teks
ms. 2

P: Utara
Q: Barat

R: Tenggara
S: Timur Laut

Aras R Memahami [4 markah]

(b) Nyatakan bearing sudut bagi arah mata angin yang berikut.

BAB 1
Buku Teks
ms. 6

A: 315°
B: 90°

C: 180°
D: 225°

Aras S Mengaplikasi [8 markah]

(c) Terangkan cara menentukan arah mata angin berpandukan matahari.

BAB 1
Buku Teks
ms. 3

Berdiri menghadap ke arah matahari terbit.

Arah di hadapan adalah timur dan arah di belakang adalah barat.

Depakan kedua-dua tangan. Tangan kiri menunjukkan arah utara.

Tangan kanan menunjukkan arah selatan.

Aras S Memahami [4 markah]

(d) Aliyah sedang berdiri sambil mendepakan tangan dan menghadap ke arah matahari terbenam. Nyatakan arah di

BAB 1
Buku Teks
ms. 3

(i) hadapan Aliyah: Barat


(ii) belakang Aliyah: Timur

(iii) sebelah kanan Aliyah: Utara

(iv) sebelah kiri Aliyah: Selatan

Aras S Mengaplikasi [4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

2. (a) Nyatakan arah mata angin tempat-tempat yang berikut.

BAB 1
Buku Teks
ms. 2

(i) Tasik dari pasar raya: Tenggara

(ii) Rumah John dari stesen minyak: Barat

(iii) Hospital dari stadium: Timur laut

Aras R Memahami [6 markah]

(b) Nyatakan arah mata angin tempat-tempat yang berikut dari pasar raya.

BAB 1
Buku Teks
ms. 2

(i) Pangsapuri: Timur laut

(ii) Rumah John: Barat daya

(iii) Balai polis: Barat laut

(iii) Pejabat pos: Timur

Aras R Memahami [4 markah]

(c) Dengan menggunakan pejabat pos sebagai titik rujukan, nyatakan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut.

BAB 1
Buku Teks
ms. 6-8

(i) Rumah John: 250°

(ii) Pangsapuri: 54°

(iii) Sekolah: 337°

Aras S Mengaplikasi [6 markah]

(d) Lokasi yang manakah berkaitan dengan nilai bearing sudutan yang berikut?


BAB 1
Buku Teks
ms. 6-8

(i) 333° dari tasik: Hospital

(ii) 122° dari pasar raya: Tasik Biru

Aras T Mengaplikasi [4 markah]

Soalan 3 berdasarkan Rajah 3.



Rajah 3

3. (a) Hotel sebagai titik rujukan, nyatakan kedudukan objek di bawah.

BAB 2
Buku Teks
ms. 15

- (i) Bank : Sebelah kanan (iii) Balai polis : Hadapan
(ii) Pejabat pos : Sebelah kiri (iv) Hospital : Belakang

Aras R Memahami [4 markah]

(b) Jika pangsapuri dijadikan titik rujukan, nyatakan kedudukan objek di bawah.

BAB 2
Buku Teks
ms. 15

- (i) Stesen minyak : Hadapan (iii) Taman permainan : Belakang
(ii) Kedai pakaian : Sebelah kanan (iv) Stesen bas : Sebelah kiri

Aras R Memahami [4 markah]

(c) Jika stadium dijadikan titik rujukan, nyatakan objek yang terletak di

BAB 2
Buku Teks
ms. 15

- (i) belakang stadium : Bengkel kereta
(ii) sebelah kiri stadium : Kedai pakaian
(iii) hadapan stadium : Balai polis

Aras R Memahami [3 markah]

(d) Isi tempat kosong dengan kedudukan relatif yang betul.

BAB 2
Buku Teks
ms. 15

- (i) Hotel terletak di belakang hospital.
(ii) Restoran terletak di belakang pasar raya dan di sebelah kiri taman permainan.
(iii) Pangsapuri terletak di sebelah kiri kedai pakaian dan di hadapan stesen minyak.

Aras R Memahami [5 markah]


(e) James berasa sangat lapar. Dia ingin ke restoran untuk menjamu selera. Terangkan kedudukan relatif restoran kepada James.

BAB 2
Buku Teks
ms. 15

Restoran terletak di sebelah kanan bengkel kereta dan di sebelah kiri taman permainan. Di hadapan restoran terdapat pasar raya dan di belakangnya terdapat kedai pakaian.

Aras T Menganalisis [4 markah]

Soalan 4 berdasarkan Rajah 4.



Rajah 4

4. (a) Berdasarkan Rajah 4, berikan kedudukan titik-titik yang berikut.

BAB 2
Buku Teks
ms. 19

- (i) Titik **Q** : 35°U 102°B
- (ii) Titik **S** : 50°S 54°B
- (iii) Titik **V** : 72°S 95°T
- (iv) Titik **U** : 50°S 95°T

Aras S Mengaplikasi [8 markah]

(b) Nyatakan titik yang terletak di kedudukan yang berikut.


BAB 2
Buku Teks
ms. 19

- (i) 62°U 54°B : P
- (ii) 35°U 45°T : R

Aras S Mengaplikasi [4 markah]

(c) Peta 1 menunjukkan kedudukan titik **A**, **B**, **C** dan **D** pada peta atlas.

BAB 2
Buku Teks
ms. 19



Peta 1 PULAU BORNEO

Berdasarkan Peta 1, nyatakan kedudukan titik-titik yang berikut.

- (i) Titik **A** : 2°U 112°T
- (ii) Titik **B** : 3°U 114°T
- (iii) Titik **C** : 5°U 116°T
- (iv) Titik **D** : 6°U 118°T

Aras S Mengaplikasi [8 markah]

BAHAGIAN A

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan lapisan atmosfera.

BAB 5
Buku teks
ms. 44

- Lapisan paling hampir dengan permukaan bumi
- Berlakunya kejadian hujan dan ribut petir


Apakah lapisan atmosfera tersebut?

- A Eksosfera C Troposfera
B Stratosfera D Termosfera

Aras S Mengingat

2. Rajah 1 menunjukkan lapisan struktur bumi.

BAB 5
Buku teks
ms. 45



Rajah 1

Apakah ciri-ciri lapisan yang bertanda Q?

- I Terdiri daripada sial dan sima
II Mengalami tekanan yang kuat
III Merangkumi dua pertiga jisim bumi
IV Terletak di bawah lapisan kerak bumi

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Aras R Mengingat

3. Apakah benua yang paling kecil di dunia?

BAB 5
Buku teks
ms. 46


- A Benua Afrika C Benua Antartika
B Benua Australia D Benua Amerika Selatan

Aras R Mengingat

4. Peta 1 menunjukkan lautan utama di dunia.

BAB 5
Buku teks
ms. 47

Kawasan bertanda yang manakah menunjukkan lautan terbesar di dunia?



Peta 1 DUNIA

Aras R Mengingat

5. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah benar tentang kerak bumi?


BAB 5
Buku teks
ms. 45

- A Mengalami tekanan kuat dan suhu yang tinggi
B Lapisan luarnya bersifat separa cecair
C Merangkumi dua pertiga jisim bumi
D Lapisan bumi paling keras dan pejal

Aras S Memahami

6. Rajah 2 menunjukkan proses pergerakan bumi.

BAB 5
Buku teks
ms. 49



Rajah 2

X dalam rajah tersebut ialah

- A gunung lipat C hanyutan benua
B gempa bumi D gunung bongkah

Aras S Memahami

7. Maklumat berikut merujuk kepada banjaran di Malaysia.

BAB 6
Buku teks
ms. 55

- Tinggi di utara dan menganjur semakin rendah ke selatan
- 'Tulang belakang' Semenanjung Malaysia

Maklumat tersebut merujuk kepada

- A Banjaran Tahan C Banjaran Tama Abu
B Banjaran Crocker D Banjaran Titiwangsa

Aras R Mengingat

8. Peta 2 menunjukkan kawasan tanah pamah di Malaysia.

BAB 6
Buku teks
ms. 62-63



Peta 2 MALAYSIA

- Dataran luas dan subur
- Mendapan daripada kejadian banjir

Maklumat tersebut merujuk kepada kawasan yang bertanda

- A I C III
B II D IV

Aras S Mengingat

- 9.** Apakah gunung yang terletak di Banjaran Crocker?
- A** Gunung Kinabalu **C** Gunung Tahan
B Gunung Korbu **D** Gunung Mulu

Aras R Mengingat

- 10.** Antara yang berikut, yang manakah bentuk muka bumi pinggir laut kesan hakisan ombak?

- I Teluk III Tombolo
 II Pantai IV Tanjung
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Aras R Mengingat

- 11.** Maklumat berikut menunjukkan kawasan tanah pamah di Malaysia.

- Dataran Kelantan
- Delta Rajang

Apakah persamaan kepentingan antara kawasan tersebut?

- A** Penanaman padi
B Kawasan perindustrian
C Penternakan ikan air tawar
D Perhubungan dan pengangkutan

Aras S Memahami

- 12.** Sungai yang manakah berfungsi sebagai sempadan semula jadi antara negeri Selangor dengan Perak?

- A** Sungai Golok **C** Sungai Pahang
B Sungai Baram **D** Sungai Bernam

Aras R Mengingat

- 13.** Maklumat berikut menunjukkan kawasan pinggir laut di Malaysia.

- Kuala Muda di Kedah
- Kuala Selangor di Selangor

Antara yang berikut, yang manakah kepentingan utama kawasan tersebut?

- A** Kawasan pelancongan **C** Sumber pengairan
B Kawasan perikanan **D** Tapak pelabuhan

Aras S Memahami

- 14.** Pandang darat fizikal yang manakah terbentuk di peringkat hulu sungai?

- A** Dataran mendap **C** Air terjun
B Tasik ladam **D** Delta

Aras S Mengingat

- 15.** Sungai bertanda manakah dalam Peta 3 merupakan sungai terpanjang di Malaysia?



Peta 3 MALAYSIA


Aras R Mengingat

- 16.** Bentuk muka bumi yang terbentuk akibat hakisan sungai ialah

- I jeram III tetambak
 II air terjun IV delta
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Aras S Mengingat

- 17.** Rajah 3 menunjukkan bentuk muka bumi aliran sungai.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang bentuk muka bumi tersebut?

- I Terbentuk akibat pemendapan sungai
 II Bentuk muka bumi di muara sungai
 III Terdapat di peringkat tengah sungai
 IV Terbentuk akibat tindakan hakisan sungai
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Aras S Memahami

- 18.** Maklumat berikut berkaitan dengan tasik di Malaysia.

- Tasik semula jadi terbesar di Malaysia
- Daya tarikan pelancong

Maklumat tersebut merujuk kepada

- A** Tasik Chini **C** Loagan Bunut
B Tasik Kenyir **D** Tasik Bera

Aras R Mengingat

- 19.** Maklumat berikut merupakan sungai di Malaysia.

- Sungai Perak
- Sungai Rajang
- Sungai Terengganu

Apakah persamaan kepentingan antara sungai-sungai tersebut?

- A** Penjanaan kuasa hidroelektrik
B Perikanan akuakultur
C Ekopelancongan
D Pengangkutan

Aras S Mengingat

- 20.** Pilih kombinasi yang betul.


	Sungai	Kepentingan
A	Sungai Beruas	Pengangkutan dan perhubungan
B	Sungai Muda	Sumber pengairan
C	Sungai Rajang	Sempadan negeri
D	Sungai Sedim	Mengangkut kayu balak

Aras R Mengingat



BAHAGIAN B

Rajah 1 menunjukkan lapisan struktur bumi.



Rajah 1

1. (a) Namakan lapisan struktur bumi yang ditandakan dalam Rajah 1.

BAB 5
Buku Teks
ms. 45

W: Kerak bumi
X: Mantel
Y: Teras luar
Z: Teras dalam

Aras R Mengingat [4 markah]

- (b) Nyatakan **dua** lapisan yang terdapat di lapisan W.

BAB 5
Buku Teks
ms. 45

Sial (silika dan aluminium)
Sima (silika dan magnesium)

Aras R Mengingat [2 markah]

- (c) Berikan **dua** ciri lapisan yang bertanda X.

BAB 5
Buku Teks
ms. 45

Merangkumi dua pertiga jisim bumi
Bersifat pepejal tetapi luarnya bersifat separa cecair

Aras R Memahami [2 markah]

- (d) Mengapakah lapisan struktur bumi bertanda W penting kepada manusia?

Terdapat pelbagai jenis tanah yang sesuai untuk aktiviti pertanian
Terdapat pelbagai jenis batuan yang sesuai untuk aktiviti pembinaan
Terdapat pelbagai jenis mineral sesuai untuk aktiviti perlombongan
Kawasan tanah pamah memudahkan pembinaan petempatan

Aras T Memahami [2 markah]

2. (a) Senaraikan bentuk muka bumi yang terdapat di Malaysia.

BAB 6
Buku Teks
ms. 58

Tanah tinggi

Tanah pamah

Saliran

Pinggir laut

Aras R Mengingat [3 markah]

- (b) Nyatakan **dua** banjaran yang terletak di Sabah.

BAB 6
Buku Teks
ms. 61

Banjaran Crocker

Banjaran Trus Madi

Aras R Mengingat [2 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi yang ditunjukkan dalam Foto 1.

BAB 6
Buku Teks
ms. 68



Foto 1

Kawasan tanah tinggi mempunyai pemandangan yang menarik sesuai untuk pelancongan

Kawasan tanah tinggi sesuai untuk tanaman hawa sederhana

Kawasan tanah tinggi menerima hujan banyak sesuai untuk penjanaan kuasa hidroelektrik

Aras S Memahami [3 markah]


- (d) Pada pandangan anda, apakah kesan penerokaan kawasan tanah tinggi terhadap alam sekitar?

Menjejaskan keseimbangan ekosistem

Menyebabkan kejadian tanah runtuh dan hakisan tanah

Aras T Menganalisis [2 markah]

Rajah 2 menunjukkan peringkat aliran sungai.



Rajah 2

3. (a) Namakan peringkat aliran sungai yang bertanda dalam Rajah 2.

BAB 7
Buku Teks
ms. 76-77

X : Peringkat hulu sungai

Y : Peringkat tengah sungai

Z : Peringkat hilir sungai

Aras R Mengingat [3 markah]

- (b) Nyatakan **satu** contoh bentuk muka bumi yang terbentuk di setiap peringkat aliran tersebut.

BAB 7
Buku Teks
ms. 76-77

X : Jeram / air terjun / lubang periuk

Y : Susuh bukit berpanca / likuan sungai

Z : Tasik ladam / tetambak / delta

Aras R Mengingat [3 markah]

- (c) Berikan ciri-ciri peringkat sungai yang bertanda Z.

BAB 7
Buku Teks
ms. 77

Aliran sungai perlahan dan berliku-liku

Pemendapan sungai berlaku

Aras S Memahami [2 markah]

- (d) Jelaskan potensi peringkat sungai yang bertanda X.

BAB 7
Buku Teks
ms. 77

Sungai di hulu sungai mengalir dengan deras. Hal ini sesuai untuk penjaan kuasa hidroelektrik

Terdapat bentuk muka bumi seperti air terjun yang menjadi tarikan pelancong

Aras S Menganalisis [2 markah]

BAHAGIAN C

1. (a) Terangkan kepentingan komponen biosfera terhadap manusia.

BAB 5
Buku Teks
ms. 45

Komponen biosfera dihuni oleh benda hidup termasuklah manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Tumbuhan membekalkan sumber perubatan tradisional seperti tongkat ali, kicap fatimah dan lidah buaya. Tumbuhan juga membekalkan sumber hutan seperti kayu balak, rotan, buah-buahan, paku pakis, rebung pokok buluh dan ulam. Selain itu, tumbuh-tumbuhan membebaskan gas oksigen dan menyerap gas karbon dioksida untuk menyederhanakan suhu. Komponen biosfera ini menyediakan habitat kepada seluruh hidupan. Haiwan-haiwan yang terdapat dalam biosfera membekalkan sumber makanan kepada manusia seperti daging dan susu.

Aras S Menilai [5 markah]

- (b) Bagaimanakah kegiatan manusia boleh menjejaskan komponen atmosfera?

BAB 5
Buku Teks
ms. 44

Aktiviti penebangan pokok mengurangkan jumlah wap air di atmosfera. Penebangan hutan secara berleluasa menyumbang kepada peningkatan karbon dioksida dalam atmosfera. Aktiviti perindustrian banyak membebaskan gas seperti karbon dioksida, metana, nitrus oksida dan CFC ke atmosfera. Penggunaan baja kimia dan racun serangga dalam sektor pertanian membebaskan gas metana dan nitrogen dioksida ke atmosfera. Pelepasan asap kotor oleh kilang, kenderaan dan pembakaran terbuka menyebabkan banyak asap terapung di atmosfera.

Aras T Menganalisis [5 markah]

2. (a) Terangkan ciri-ciri tanah pamah di Malaysia.

BAB 6
Buku Teks
ms. 58, 62

Kawasan tanah pamah di Malaysia merupakan kawasan yang rendah, datar atau beralun. Ketinggian kawasan tanah pamah tidak melebihi 180 meter dari aras laut. Kebanyakan kawasan tanah pamah di Malaysia terdapat di lembangan sungai, delta, dataran, dan dataran pantai. Kawasan tanah pamah diliputi tanah jenis aluvium dan sesuai untuk pelbagai kegiatan ekonomi. Contoh tanah pamah di Malaysia ialah Dataran Kedah-Perlis dan Dataran Kelantan.

Aras S Mengingat [4 markah]



- (b) Huraikan kepentingan kawasan tanah pamah di Malaysia.

BAB 6
Buku Teks
ms. 69

Kawasan tanah pamah di Malaysia sesuai untuk kegiatan pertanian kerana rendah dan rata serta diliputi tanah jenis aluvium. Contohnya, kegiatan penanaman padi di Dataran Kedah-Perlis. Kawasan tanah pamah yang rata serta struktur tanah yang stabil sesuai dijadikan kawasan petempatan. Contohnya, petempatan di Johor Bahru (Johor). Kawasan tanah pamah yang dilengkapi kemudahan infrastruktur berpotensi menjadi kawasan perindustrian. Contohnya, kawasan perindustrian Perai di Pulau Pinang.

Aras S Memahami [6 markah]

3. (a) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah sungai masih penting sebagai jalan pengangkutan dan perhubungan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak?

Kebanyakan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak masih menggunakan sungai sebagai sistem pengangkutan utama. Sungai dijadikan jalan perhubungan antara kawasan pedalaman dengan bandar. Hal ini kerana jalan raya dan landasan kereta api kurang dimajukan di kawasan tersebut. Bentuk muka buminya yang bergunung-ganang, berhutan tebal dan tidak rata menyukarkan pembinaan jaringan pengangkutan darat. Selain itu, masih banyak petempatan dibina di tepi-tepi sungai. Di Sabah, sungai juga digunakan untuk menghanyutkan kayu balak kerana kos yang lebih rendah.

Aras T Menilai [5 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan tasik kepada penduduk di Semenanjung Malaysia.

BAB 7
Buku Teks
ms. 82

Tasik membekalkan sumber ikan air tawar kepada penduduk setempat kerana keadaan habitat semula jadinya yang masih terpelihara sesuai untuk pembiakan pelbagai jenis ikan. Contohnya, Tasik Bera kaya dengan pelbagai jenis ikan air tawar seperti ikan baung, haruan dan lampam. Tasik juga dijadikan tapak untuk menjana kuasa hidroelektrik kerana mempunyai takungan air yang banyak. Contohnya, Empangan Kenyir di Terengganu.

(Terima jawapan yang munasabah untuk Bahagian B dan Bahagian C)

Aras S Menilai [5 markah]

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

Skor
/80
Masa: Dua jam

Bahagian A

[20 markah]

 Jawab **semua** soalan.

1. Foto 1 menunjukkan sistem fizikal bumi.



Foto 1

Sistem fizikal bumi yang dapat dikaitkan dengan Foto 1 ialah

- A biosfera C atmosfera
 B litosfera **D** hidrosfera

2. Apakah sistem fizikal bumi yang mengandungi pelbagai jenis batuan dan mineral?

- A Biosfera C Atmosfera
B Litosfera D Hidrosfera


3. Maklumat berikut merujuk kepada lapisan struktur bumi.

- Lapisan yang paling keras dan pejal
- Terdiri daripada sial dan sima

Maklumat tersebut berkaitan dengan lapisan

- A mantel C teras dalam
 B teras luar **D** kerak bumi

4. Peta 1 menunjukkan lautan di dunia.



Peta 1 DUNIA

Berdasarkan Peta 1, yang manakah Lautan Hindi?

- A L1 **C** L3
 B L2 D L4

5. Benua yang paling kecil di dunia ialah

- A Benua Afrika
 B Benua Eropah
C Benua Australia
 D Benua Antartika

6. Pilih pernyataan yang betul tentang Selat Melaka.

- A Memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Singapura
 B Terletak di bahagian barat daya Filipina
 C Kawasan perairan yang sempit
D Selat terpanjang di dunia

7. Proses pembentukan gunung lipat disebabkan oleh

- A** daya mampatan
 B daya tegangan
 C daya gegaran
 D daya tekanan

8. Antara yang berikut, banjaran yang manakah terletak di Sarawak?

- I Banjaran Trus Madi
 II Banjaran Brassey
 III Banjaran Tama Abu
 IV Banjaran Kapuas Hulu
 A I dan II **C** II dan III
 B I dan IV **D** III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan tanah tinggi di Malaysia.

- Terletak di Banjaran Crocker
- Gunung yang tertinggi di Malaysia


Maklumat tersebut dapat dikaitkan dengan

- A Gunung Mulu
 B Gunung Tahan
 C Gunung Korbu
D Gunung Kinabalu

10. Ciri fizikal pinggir laut yang manakah terbentuk akibat hakisan ombak?

- I Lagun
 II Teluk
 III Tanjung
 IV Tombolo
 A I dan II **C** II dan III
 B I dan IV D III dan IV

11. Peta 2 menunjukkan lokasi gunung di Malaysia.



Peta 2 MALAYSIA

Berdasarkan Peta 2, di manakah letaknya Gunung Kinabalu?

- A I
B II
C III
D IV

12. Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan tanah pamah.

- Terdapat banyak kawasan berpayu
- Sesuai untuk tanaman kelapa sawit, getah dan koko

Maklumat tersebut dapat dikaitkan dengan

- A Dataran Pantai Timur Sabah
B Dataran Kedah-Perlis
C Dataran Kelantan
D Delta Rajang

13. Pilihan kombinasi yang betul tentang bentuk muka bumi dan kepentingannya.

	Bentuk muka bumi	Kepentingan
A	Tanah pamah	Menjana kuasa hidroelektrik
B	Tanah tinggi	Kawasan perdagangan
C	Pinggir laut	Mengangkut kayu balak
D	Saliran	Sempadan negeri

14. Sungai yang manakah dijadikan empangan untuk penjaan kuasa hidroelektrik?

- A Sungai Muda
B Sungai Perak
C Sungai Bernam
D Sungai Kinabatangan

15. Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan tanah pamah.

- Cameron Highlands, Pahang
- Tanah Tinggi Kundasang, Sabah

Apakah kepentingan kawasan tanah tinggi tersebut?

- A Penjaan kuasa hidroelektrik
B Kegiatan penternakan ikan air tawar
C Kegiatan penanaman getah dan koko
D Kegiatan pertanian tanaman hawa sederhana

16. Antara yang berikut, pandang darat fizikal yang manakah terbentuk di peringkat tengah sungai?

- I Lurah berbentuk 'U'
II Tasik ladam
III Lubang periuk
IV Susuh bukit berpanca
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17. Peta 3 menunjukkan sungai utama di Semenanjung Malaysia.



Peta 3 MALAYSIA

Apakah sungai X yang bertanda dalam Peta 3?

- A Sungai Bernam
B Sungai Pahang
C Sungai Baram
D Sungai Endau

18. Maklumat berikut merujuk kepada saliran di Malaysia.

- Sungai terpanjang di Malaysia
- Mengalir dari Banjaran Iran

Apakah sungai yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Sungai Kinabatangan
B Sungai Pahang
C Sungai Rajang
D Sungai Baram

19. Pernyataan berikut berkaitan dengan tasik di Malaysia.

Tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara

Pernyataan tersebut dapat dikaitkan dengan

- A Tasik Bera
B Tasik Kenyir
C Loagan Bunut
D Tasik Titiwangsa

20. Pilih kombinasi yang betul tentang sungai dan kepentingannya.

	Sungai	Kepentingan
A	Sungai Muda	Aktiviti meredah jeram
B	Sungai Golok	Sempadan antarabangsa
C	Sungai Endau	Sumber pengairan padi
D	Sungai Perak	Aktiviti rekreasi River Cruise

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Skor

/80

Masa: Dua jam

Bahagian A

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan lapisan biosfera?

- I Merangkumi air dan ais
 - II Kepelbagaian biodiversiti
 - III Dihuni oleh benda-benda hidup
 - IV Lapisan udara yang menyelubungi bumi
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2. Maklumat berikut berkaitan dengan benua di dunia.

- Benua yang paling mendatar di dunia
- Keluasan kira-kira 7.6 juta km²

Apakah benua yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A** Benua Asia **C** Benua Australia
B Benua Afrika **D** Benua Antartika

3. Apakah kesan pergerakan kerak bumi yang disebabkan oleh daya mampatan?

- A** Gunung lipat
B Hanyutan benua
C Lurah gelinciran
D Gunung bongkah

4. Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan tanah tinggi di Malaysia.

- Terletak di Tanah Tinggi Kelabit
- Bersempadan dengan Kalimantan
- Terkenal dengan keunikan tanaman padi

Maklumat tersebut merujuk kepada

- A** Mulu **C** Kundasang
B Bario **D** Bukit Larut

5. Maklumat berikut berkaitan dengan pinggir laut di Malaysia.

- Satu-satunya pulau laut di Malaysia
- Terbentuk disebabkan oleh letusan gunung berapi di dasar laut

Di manakah lokasi kawasan pinggir laut tersebut?

- A** Pulau Redang **C** Pulau Pangkor
B Pulau Sipadan **D** Pulau Tatagan

6. Foto 1 menunjukkan bentuk muka bumi pinggir laut.



Foto 1

Apakah bentuk muka bumi dalam Foto 1?

- A** Tebing tinggi
B Batu tunggul
C Tanjung
D Teluk

7. Antara yang berikut, bentuk muka bumi yang manakah terbentuk di peringkat hilir sungai?

- I Jeram
 - II Tetambak
 - III Dataran banjir
 - IV Lubang periuk
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Pernyataan yang manakah betul tentang ciri sungai di peringkat hilir?

- A** Lurah sungai yang sempit
B Air mengalir dengan deras
C Pemendapan di muara sungai
D Susuh bukit berpanca dan terhakis

9. Bandar yang manakah menjadi tumpuan penduduk akibat kegiatan perlombongan petroleum dan gas asli?

- A** Bau, Sarawak
B Kuala Lumpur
C Tumpat, Kelantan
D Kerteh, Terengganu

10. Mengapakah kawasan tanah tinggi kurang menjadi tumpuan penduduk?

- A Mengalami krisis air
- B Kos hidup yang tinggi
- C Pembukaan tanah rancangan
- D Darjah ketersampaian yang rendah**

11. Foto 2 menunjukkan petempatan di Malaysia.



Foto 2

Apakah ciri-ciri petempatan dalam Foto 2?

- I Penduduk jarang
 - II Kemudahan asas terhad
 - III Kawasan kediaman moden
 - IV Kepadatan penduduk tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV**

12. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pola petempatan.

- Rumah tersusun secara deretan
- Terdapat di kawasan pinggir laut

Apakah pola petempatan tersebut?

- A Berjajar**
- B Berpusat
- C Berselerak
- D Berkelompok

13. Antara yang berikut, negara yang manakah terletak di Kepulauan Asia Tenggara?

- I Laos
 - II Filipina
 - III Singapura
 - IV Kemboja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III**
 - D III dan IV

14. Maklumat berikut merujuk kepada sungai di Asia Tenggara.

- Mengangkut kayu balak dan barangan pukal
- Terkenal dengan pasar terapung

Maklumat tersebut mungkin sekali merujuk kepada

- A Menam Chao Phraya**
- B Sungai Irrawaddy
- C Sungai Mekong
- D Danau Toba

15. Apakah punca utama berlakunya krisis air di Lembah Klang?

- A Pertambahan penduduk yang pesat**
- B Penggunaan racun serangga dalam pertanian
- C Pembuangan sampah sarap ke dalam sungai
- D Sisa air buangan daripada aktiviti penternakan

16. Antara yang berikut, yang manakah kesan krisis air terhadap alam sekitar?

- A Aktiviti ekonomi terjejas
- B Tanah menjadi kering-kontang**
- C Perebakan penyakit bawaan air
- D Bekalan air bersih berkurangan

17. Bagaimanakah cara mengatasi masalah krisis air di Lembah Klang?

- A Menggunakan air kumbahan
- B Membeli air dari negeri lain
- C Meneroka air bawah tanah**
- D Menggunakan air laut

18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan sisa cecair?

- I Lampin pakai buang
 - II Minyak masak
 - III Kumbahan
 - IV Sisa makanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III**
 - D III dan IV

19. Foto 3 berkaitan dengan amalan 3R.



Foto 3

Amalan 3R dalam foto tersebut ialah

- A baik pulih
- B kurangkan
- C guna semula
- D kitar semula**

20. Bagaimanakah pembuangan sisa domestik mendatangkan kesan buruk terhadap alam sekitar?

- I Kejadian banjir kilat
 - II Pencemaran sumber air
 - III Penularan wabak penyakit
 - IV Peningkatan kos penyelenggaraan
- A I dan II**
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV